

China tingkat amaran kepada AS

Lawatan wakil AS ke Taiwan cetus rasa tak puas hati

Taipei: China mengeluarkan amaran 'peribadi' yang tegas kepada pentadbiran Presiden Joe Biden mengenai kemungkinan perjalanan ke Taiwan pada Ogos oleh speaker Dewan Perwakilan

Amerika Syarikat (AS), Nancy Pelosi, lapor *Financial Times*.

Laporan itu memetik enam orang yang arif dengan amaran China sebagai berkata, ia jauh lebih kuat daripada ancaman yang dibuat Beijing pada masa lalu apabila ia tidak berpuas hati dengan tindakan atau dasar AS ke atas Taiwan, yang dituntut oleh China.

Retorik 'peribadi' itu mencahngkan kemungkinan tindak balas tentera, menurut *Financial Times* yang memetik beberapa orang yang arif dengan situasi itu.

Majlis Keselamatan Negara Rumah Putih dan Jabatan Negara enggan mengulas mengenai laporan itu.

Tingkat aktiviti ketenteraan

China sudah meningkatkan aktiviti ketenteraan di sekitar Taiwan untuk menekan kerajaan yang dipilih secara demokratik di sana supaya menerima kedaulatan China.

Kerajaan Taiwan berkata, hanya 23 juta penduduk pulau itu boleh menentukan masa depan mereka, dan walaupun ia mahu keamanan, akan mem-

pertahankan dirinya jika diserang.

Pada 18 Julai, *Financial Times* melaporkan bahawa Pelosi merancang untuk melawat Taiwan pada Ogos. Sehari kemudian, kementerian luar China berkata, bahawa lawatan ke Taiwan oleh Pelosi akan menjejaskan kedaulatan dan integriti wilayah China secara serius, dan AS akan menanggung akibat tindak balasnya.

Rabu lalu, Biden berkata, beliau merancang untuk bercajak dengan Presiden China, Xi Jinping, menjelang akhir bulan ini, tampak menimbulkan keraguan mengenai perjalanan Pelosi ke Taiwan.

"Saya fikir pihak tentera berpendapat ia bukan idea yang baik sekarang, tetapi saya tidak tahu statusnya," kata Biden kepada pemberita.

REUTERS



Nancy Pelosi